AUTHOR: Nurul Hidayah Bahaudin SECTION: NASIONAL AUDIENCE : 82,252 PAGE: 1,3
PRINTED SIZE: 664.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 22,137
WORDS: 768 ITEM ID: DP0122555123



18 NOV, 2026

Malaysia–Perancis naik taraf hubungan perkongsian strategik

Berita Harian (MY), Malaysia

Malaysia–Perancis naik taraf hubungan perkongsian strategik

Buka lembaran kerjasama baharu pelbagai sektor strategik

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
bhnews@bh.com.my



Anwar dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama Macron dan isteri, Brigitte Macron pada majlis sambutan rasmi di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Malaysia dan Perancis bersetuju menaik taraf hubungan dua hala kepada tahap perkongsian strategik.

Ia membuka lembaran baharu kerjasama melangkaui sektor tradisional merangkumi pertahanan, unsur nadir bumi, tenaga nuklear awam dan semikonduktor.

Presiden Perancis, Emmanuel Macron, berkata keputusan itu dicapai bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelang sambutan ulang tahun ke-70 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

"Dari segi kerjasama pertahanan dan keselamatan, Malaysia dan Perancis mempunyai pelan hala tuju bagi industri berkenaan menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai hari ini (semalam).

"Malah, kedua-dua pihak juga sudah memeterai perjanjian penting membabitkan helikopter penyelamat keluaran Airbus, selain mengadakan perbincangan positif mengenai keupayaan kapal selam.

"Kita juga akan melancarkan sebuah pusat Perancis-Malaysia bagi menentang ancaman hibrid yang akan membantu melatih petugas awam dan ketenteraan bagi kedua-dua negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media majlis sambutan sempena lawatan rasmi dua harinya di Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS), di sini semalam.

Macron berkata, Perancis sebagai pelabur Eropah kedua terbesar di Malaysia dengan lebih 300 syarikat beroperasi di sini menyokong penuh rundingan perdagangan dan pelaburan antara Kesatuan Eropah (EU) dan Malaysia.

"Projek perindustrian antara syarikat Perancis dan syarikat tempatan yang dimulakan ketika lawatan Anwar ke Paris pada tahun lalu dijangka mula beroperasi seawal awal tahun depan.

"Projek itu merangkumi pengekstrakan dan pemprosesan di Malaysia serta keupayaan penapisan di Perancis dengan sokongan teknikal Biro Penyelidikan Geologi dan Perlombongan Perancis yang akan menempatkan pakar di sini," katanya.

Beliau turut menyatakan kesediaan Perancis menjadi rakan kongsi bidang tenaga nuklear awam bagi menyokong usaha penyahkarbonan Malaysia dan perkukuh kerjasama antara PETRONAS dan TotalEnergies dalam sektor gas asli cecair (LNG).

"Kerjasama diumumkan antara syarikat Perancis dan Malaysia adalah sejajar dengan aspirasi Grid Tenaga ASEAN khususnya memperkukuh sambungan elektrik di rantau ini.

"Dalam bidang pendidikan tinggi dan kebudayaan pula, pemeteraian MoU membolehkan program biasiswa dan penyelidikan bersama dilancarkan semula tahun depan," katanya.

Projek Grid Tenaga ASEAN

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia sedang mendapatkan sokongan kerajaan dan industri Perancis untuk projek Grid Tenaga ASEAN (APG), projek kabel dasar laut menghubungkan Sarawak dengan Semenanjung, Singapura dan negara jiran.

Beliau turut memperincikan projek sambungan kabel dasar laut dari Vietnam ke utara Semenanjung dan Singapura serta rangkaian darat dari Laos, memaklumkan bahawa Presiden Filipina menyatakan kesediaan menyambung projek itu dari Sabah ke selatan Filipina.

Mengenai perdagangan dan pelaburan dua hala, Anwar menekankan kerjasama antara Petronas dan TotalEnergies dari Perancis, yang membawa kepada pelaburan yang besar di Asia, Afrika dan Amerika Utara.

Beliau berkata, Malaysia mengeksport mineral kritikal mentah ke Perancis kerana komitmen negara itu untuk bekerjasama dalam pemprosesan bahan berkenaan.

"Kami tidak mengeksport bahan mentah, tetapi kami berbuat demikian dengan Perancis kerana anda komited dalam pemprosesannya dan bekerjasama dengan rakyat Malaysia sebagai satu pasukan," kata beliau.

Anwar berkata, negara perlu bersedia bekerjasama dalam pemindahan teknologi, peningkatan kemahiran dan latihan supaya masing-masing dapat memperoleh manfaat dan saling menyokong.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri menghargai ketegasan dan pendirian konsisten Perancis memperjuang isu kemanusiaan di Gaza dan Palestin, menyifatkannya sebagai 'suara hati nurani' masyarakat antarabangsa.

Anwar berkata, ketegasan negara Eropah itu jelas dilihat menerusi keprihatinan kemanusiaan yang sebahagian besarnya diabaikan kuasa dunia lain kerana dianggap terlalu sensitif.

"Malaysia turut mengecam keras sikap segelintir pihak yang memilih dalam memperjuangkan hak asasi manusia dan keadilan selain pendekatan 'pilih kasih' sebagai satu bentuk perbuatan hipokrit di pentas global.

"Justeru mesej kemanusiaan yang konsisten daripada kerajaan Perancis amat dihargai dalam usaha mencari keadilan sejagat buat rakyat Palestin," katanya.

Mengenai konflik Russia-Ukraine, Anwar mengulangi pendirian tegas Malaysia menentang bentuk pencerobohan Russia ke atas Ukraine yang sudah dinyatakan dengan jelas di dalam negara mahupun di pentas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Bagaimanapun, Malaysia terus mengekalkan pendekatan dasar luar seimbang dengan meneruskan hubungan diplomatik berkesan bersama kepimpinan Russia demi kepentingan strategik dan keamanan serantau," katanya.

Mengulas mengenai isu sama, Macron berkata, beliau berpendapat tiada dwi-standard, sama ada di pihak Malaysia mahupun Perancis, yang menyokong Piagam PBB dan kedaulatan di Ukraine serta Palestin.

Beliau melihat kekuatan hubungan dua hala antara Malaysia dan Perancis adalah berkhidmat untuk satu pandangan tertentu termasuk penghormatan terhadap peraturan antarabangsa.

"Kami bersedia untuk tidak menjadi negara naungan kepada mana-mana kuasa hegemoni, sebaliknya merintis jalan ke arah kebebasan yang lebih besar.

"Ini termasuk rasa hormat lebih tinggi antara satu sama lain dan hubungan yang lebih kukuh khususnya antara Kesatuan Eropah (EU) dan ASEAN.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.